

**PRU-13 dijangka paling sengit, kelebihan pada Barisan Nasional  
Utusan Online  
13 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 12 Mac - Pilihan Raya Umum Ke-13 yang bakal berlangsung tidak lama lagi dijangka menjadi antara pilihan raya paling sengit dalam sejarah negara.

Pensyarah Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Shamsul Adabi Mamat berkata, kelebihan masih berpihak kepada Barisan Nasional (BN) berdasarkan situasi semasa serta populariti yang dimiliki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, hakikat bahawa pilihan raya kali ini akan menjadi sengit serta mencabar tidak boleh dinafikan kerana kedua-dua pihak iaitu BN dan juga pakatan pembangkang masing-masing mempunyai keyakinan untuk memenangnya.

Menurutnya, peningkatan sokongan terhadap BN menjadi petanda awal parti itu semakin pulih daripada kekecewaan pada 2008, sementara Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula sangat yakin pembangkang akan menang sehingga memberitahu bersedia menjadi Perdana Menteri walaupun di dalam penjara.

"Senario-senario ini bakal menjadikan pilihan raya umum akan datang sebagai antara yang paling sengit dalam sejarah negara.

"Bagaimanapun, berdasarkan kaji selidik oleh badan atau sumber yang berwibawa serta boleh dipercayai, saya yakin BN mampu menang dan mengekalkan kuasa mentadbir negara," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang menjangkakan pilihan raya itu akan menjadi pilihan raya umum paling ganas berikutan cita-cita besar Anwar yang terdesak menentukan kesinambungan hidup politiknya untuk menjadi Perdana Menteri.

Katanya, ia juga adalah pilihan raya paling penting buat Anwar kerana ia adalah peluang terakhir Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu menentukan masa depan politiknya memandangkan usianya yang hampir mencecah 70 tahun untuk bertanding pada pilihan raya seterusnya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain pula berpendapat, pemimpin serta ahli BN perlu bersikap positif dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, tiada sebab untuk BN berasa gentar kerana dakwaan bahawa pilihan raya umum akan datang sebagai paling ganas atau sebagainya hanyalah sekadar spekulasi dan jangkauan sahaja.

"Kita tidak boleh bergantung kepada jangkauan kerana apa sahaja boleh berlaku. Apa yang penting ialah BN sentiasa bersedia berhadapan dengan segala cabaran atau kemungkinan yang mendatang," jelasnya.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)